

Benda-benda terlalu besar merunsingkan Datuk Musa...

DI KETIKA melakukan lawatan resmi selama dua hari ke Negeri Sembilan, Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam, selaku Pemangku Perdana Menteri, telah membukakan mata pegawai-pegawai Kerajaan terhadap "no-nonsense style" Pentadbiran Dr. M (yakni, Pentadbiran "bukan main-main") dengan menekankan betapa pentingnya bagi mereka melipatgandakan kecekapan. (Nota: Kerana jika mereka cekap, maka akan berkuranganlah pembaziran wang rakyat yang diamanahkan kepada mereka).

Dalam ucapannya di Majlis Makan Malam yang dituanrumahkan oleh Kerajaan Negeri dan Barisan Nasional Negeri Sembilan, setelah mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah mengatarkan sambutan besar-besaran ("grand welcome") kepadanya, Datuk Musa menyuarakan harapan semoga upacara sambutan untuk menghormati lawatannya di masa hadapan janganlah sebegitu besar ("that grand") — kerana, katanya, persiapan yang keterlaluan tidak diperlukan.

Tambah Pemangku Perdana Menteri itu, "Di masa hadapan saya akan melakukan lawatan secara mengejut." (Dipetik dari Malay Mail September 5, 1981 di bawah tajuk, "Musa gets down to brass tacks").

* * *

Setelah Datuk Musa Hitam, selaku Pemangku Perdana Menteri, keluar dari helikopter untuk memulakan lawatan resmi ke Negeri Sembilan selama dua hari, beliau telah dikalungkan dengan kalung bunga, yang beratnya dua kali dan yang panjang sampai ke lutut. (Dalam bahasa penulis pojok, kalung bunga itu bolehlah dideskraibkan sebagai "King-size Garland").

"Garland" yang disediakan oleh MIC itu — yang sebegitu besar dan sebegitu berat — tidak menyenangkan Datuk Musa. Oleh itu setelah lanya tergantung di lehernya kira-kira satu minit, beliau menanggalkannya (dan, agaknya, menyerahkannya kepada "body-guard"-nya) sambil berkata, "Ini adalah terlampau besar dan berat" (this is too big and heavy). (Nota: Jangan-jangan pula kalung untuk P.M. nanti akan meningkat kepada 4 kali beratnya dan sampai ke tumit panjangnya?).

Adalah difahamkan bahawa "Garland" (super-berat dan super-besar) itu telah dipesan khas dari Kuala Lumpur dengan harga \$150. (Dipetik dari Star, September 7, 1981 di bawah tajuk, "Garland that was too heavy for Musa").

Komen Penulis:

Mesej yang terkandung di dalam dua buah berita dikisahkan tadi (lebih-lebih lagi jika "dibaca" bersama dengan apa yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar secara besar-besaran semenjak beberapa hari yang lalu mengenai keputusan-keputusan yang diambil oleh Datuk Musa untuk menutup beberapa buah agensi-agensi Kerajaan...) adalah mencerminkan sifat semulajadi Datuk Musa dalam konteks beliau, nampaknya, tidak sukakan benda-benda yang terlalu besar...

Maksud: Beliau kurang senang hati dengan "garland" yang terlalu besar, majlis sambutan dan "makan besar" yang terlalu besar, agensi-agensi Kerajaan yang berangan-angan terlalu besar, yang mengalami kerugian terlalu besar, yang membazirkan wang Kerajaan terlalu besar, yang mempunyai anak Syarikat yang terlalu besar bilangannya sehingga tidak terkawal... ketidakcekapan yang terlalu besar, sama ada di pihak pegawai Kerajaan ataupun agensi Kerajaan. Dan, ya, cemas-cemas terlupe — kereta atau motokar yang harganya terlalu besar yang dibeli dengan duit Kerajaan (Negeri ataupun Persekutuan) untuk kegunaan orang-orang kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia